

TUNTUTAN MENCARI REZEKI YANG BERKAT

(2 November 2018/24 Safar 1440H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الرَّزَّاقُ الْكَرِيمُ، يَسِّطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ، وَهُوَ
الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ خَاتَمُ النَّبِيِّنَ سَيِّدُ الْأَنَامِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَقُدُّوْتِنَا نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَشَفِيعِ
الْأُمَّةِ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَّهُ ، وَبَعْدُ.
فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللّٰهَ ؛ فَإِنَّ تَقْوَاهُ أَفْضَلُ مُكْتَسَبٍ وَطَاعَتُهُ أَعْلَى نَسَبٍ : قَالَ
اللّٰهُ تَعَالٰى : ﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَائِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru kepada sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, agar kita bersama-sama bertakwa kepada Allah ﷺ dengan sebenar-benar takwa, dengan kita melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah kita meningkatkan amal ibadah dan memperkuatkan lagi hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “TUNTUTAN MENCARI REZEKI YANG BERKAT.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Rezeki memberi makna yang cukup luas dan ia bukan semata-mata benda yang boleh diukur nilainya seperti wang, gaji, pendapatan, makanan, harta dan seumpamanya. Menurut pandangan Sheikh Mutawalli al-Sya'rawi, seorang ulama tafsir yang ulung dari Mesir, rezeki bermaksud "Apa sahaja yang kita dapat rasakan manfaatnya, sama ada halal atau haram, sama ada baik atau buruk".

Ini bermakna, rezeki ialah segala apa yang dikurniakan oleh Allah ﷺ yang bermanfaat baik dalam bentuk fizikal seperti gaji, pendapatan, keuntungan perniagaan, rumah, kenderaan, anak pinak dan sebagainya. Atau pun dalam bentuk rohani seperti kesihatan, kecerdikan, ketenangan, kejayaan, kebahagiaan dan seumpamanya. Konsep rezeki tidak terbatas sekadar pendapatan atau gaji semata-mata tetapi merangkumi keseluruhan pemberian Allah ﷺ. Pendapatan boleh diperoleh mengikut kemampuan usaha manusia tetapi rezeki diberikan mengikut kluasan dan ketentuan Allah ﷺ seperti mana firman-Nya dalam surah Saba' ayat 36:

﴿ قُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَسْطُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ وَلَا كِنَّ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Bermaksud: “Katakan wahai Muhammad: Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan rezeki bagi siapa yang Iakehendaki dan menyempitkannya mengikut ketentuan kadarnya; akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

Rezeki yang berkat pula bermaksud kurniaan Allah ﷺ dalam bentuk sesuatu yang baik dan diperoleh dengan cara yang baik. Manakala rezeki yang tidak berkat adalah kurniaan yang tidak baik, tidak pernah cukup walaupun banyak dan diperoleh dengan cara yang tidak baik. Firman Allah ﷺ dalam surah al-Baqarah ayat 172:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيْبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوْا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُوْنَ ﴾

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya”.

Oleh yang demikian, kita diperintahkan supaya bukan setakat memakan rezeki yang halal tetapi juga rezeki yang baik harus menjadi prioriti. Contohnya, sesuatu makanan yang halal belum tentu baik kerana ia menjelaskan kesihatan kita sekiranya diambil dalam jumlah banyak seperti gula, garam dan makanan berlemak. Selain itu, mencari rezeki juga memerlukan tujuan yang baik, bukan

tujuan untuk mencari kekayaan semata-mata dan menjadi takbur dengan kekayaan itu, ataupun mencari rezeki bertujuan melakukan jenayah, maksiat dan sebagainya. Malah dalam konteks berkat, ia membawa maksud rezeki bertambah secara tersirat, umpamanya merasa cukup dengan pendapatan yang sederhana biarpun jumlah anak ramai. Itulah antara tanda keberkatan rezeki.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Keberkatan rezeki lahir hasil daripada keyakinan, ketaatan, kepatuhan dan kehambaan manusia yang berterusan kepada Allah ﷺ. Justeru, walau pekerjaan yang kecil sekalipun, kita tetap perlu untuk menjaga keberkatannya. kita mesti meletakkan keutamaan dan iltizam di dalam hati iaitu mencari rezeki bukan untuk mendapat kesenangan hidup semata-mata tetapi untuk mendapatkan rezeki yang halal dan berkat. Atas tuntutan itulah para ulama menggariskan antara adab-adab mencari rezeki yang berkat ialah memasang niat untuk bekerja kerana Allah ﷺ. Apabila seseorang mukmin telah membetulkan niatnya, maka dirinya akan melakukan pekerjaan yang halal, jujur dan ikhlas tanpa mempertikaikan jumlah rezeki yang diperoleh.

Kita juga wajib meyakini bahawa setiap manusia dalam dunia ini mempunyai bentuk rezeki yang berbeza-beza. Ada yang mendapat rezeki dalam bentuk material seperti kenaikan pangkat atau jumlah pendapatan yang banyak. Terdapat juga mereka yang gajinya tidak besar tetapi memperoleh rezeki dalam bentuk ketenangan hati, kesihatan yang baik, keluarga yang harmoni, anak-anak yang pintar dan sebagainya. Justeru, niat bekerja sebagai satu ibadah yang dilakukan kerana Allah ﷺ akan membetulkan hati manusia untuk melihat rezeki yang diperoleh itu adalah kurniaan Allah ﷺ semata-mata dan ianya bukan daripada manusia.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Gaya hidup dan perubahan iklim ekonomi dunia sedikit sebanyak memaksa kita meningkatkan sumber pendapatan. Ada juga yang salah anggap bahawa rezeki hanya dalam bentuk wang dan harta bagi menjamin kesenangan dan kebahagian hidup, atas desakan hidup, manusia berlumba-lumba mencari wang dan harta sehingga kadangkala melangkaui batasan halal dan haram yang ditetapkan oleh syarak. Sanggup bersekongkol dengan penipuan, rasuah mahupun penganiayaan semata-mata untuk memperoleh keuntungan wang ringgit dan habuan duniawi.

Namun harus diingat, bahawa kekayaan tidak menjamin kebahagiaan hakiki setiap insan. Realitinya kita sendiri melihat betapa ramai orang kaya tetapi tidak dapat menikmati ketenangan dan kebahagiaan. Harus juga diingat, rezeki melimpah ruah tidak sama konsepnya dengan rezeki yang halal dan berkat. Ada orang mempunyai harta yang banyak tetapi sayangnya tidak terdapat unsur keberkatan di dalamnya. Akibatnya hati tidak tenang dan makin jauh daripada Allah ﷺ, keluarga tidak harmoni, tidak pernah merasa cukup dan berbagai lagi. Marilah kita memerhatikan sepotong hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"... ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ: أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمْدُدُ يَدِيهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبُسُهُ حَرَامٌ، وَغَذَيْ بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ؟"

Mafhumnya: Nabi ﷺ menyebutkan kisah seorang lelaki yang jauh perjalanannya (untuk beribadat), rambutnya kusut masai dan wajahnya berdebu. Lelaki itu mengangkat tangan ke langit dan menyeru: Wahai Tuhanmu, wahai Tuhanmu dengan bersungguh-sungguh. Sedangkan sumber makanannya daripada yang haram, minumannya daripada yang haram, pakaianya daripada yang haram, diberi makan daripada yang haram. Maka bagaimakah Allah akan makbulkan doa lelaki tersebut?"

Oleh itu, perkara utama dalam mencari rezeki bukannya berapa banyak yang kita peroleh tetapi sebaliknya bagaimana kita manfaatkannya bagi merebut keberkatan di dalam rezeki itu. Islam menggalakkan kita mencari limpahan

rezeki dan kekayaan harta dunia, namun perlu mengikut saluran yang betul dan bijaksana dalam menguruskan harta supaya ia halal dan berkat demi mencapai kebahagiaan hakiki, sama ada semasa hidup di dunia maupun di akhirat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH S.W.T,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah kita bermuhasabah dengan mengutamakan keberkatan dalam mencari rezeki, kerana setiap rezeki yang berkat akan melahirkan insan yang bertakwa dan memperoleh keredhaan Allah ﷺ. Antara intipati khutbah yang boleh kita ambil pedoman dan pengajaran ialah:

- Pertama:** Mencari rezeki yang halal merupakan satu kewajipan bagi umat Islam atas dirinya dan ahli keluarganya.
- Kedua:** Perkara utama dalam pencarian rezeki bukan diukur melalui limpahan hasilnya tetapi melalui keberkatannya.
- Ketiga:** Masyarakat yang beretika tidak akan bersekongkol dengan penglibatan rasuah, penipuan maupun penganiayaan semata-mata untuk mendapat habuan duniawi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِمْنَوْا وَاتَّقَوْا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ
كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾

Bermaksud: “Dan Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami bukakan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.” Surah al-A’raf, ayat 96

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِيْ الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيْنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَقِ وَالْبَشَرِ . اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلْمُ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَبَيْنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَكُوئُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبَّحةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالَى مُحْبِرًا وَآمِرًا : أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكِيَّكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْبَنِيِّ يَتَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ وَسِلُّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥﴾
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلْمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارَكْ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَى بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَائِبِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللّٰهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكَرِامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ
كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوِهِ دُولِي
يُعْمَلُ مَعَهَا مُولِيَا سَرِيٍّ ثَادُوكَ بِكَيْنِدا يُعْمَلُ دَفْرَتُوانَ اكْنُوْغْ كَلِيمَا بَلْسَ.

سلطان محمد كلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَائِبِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحْ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. أَللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرَعَ
الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوْزَارَاهِ سَيِّلاً وَمِنْهَا جَأْ. وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا
وَهَاجًَا. أَللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بَلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَةً رَخِيْةً.
أَللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَأَذْلِ الشَّرِكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنَ،
أَللَّهُمَّ أَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْطُّغَاءَ وَالظَّالِمِيْنَ يَارَبِّ الْعَالَمِيْنَ، أَللَّهُمَّ اصْرُرْ إِخْرَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ،
وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوْكَ وَعَلَى عَدُوْهِمْ، أَللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحْدَ صُفُوفَهُمْ، يَا رَبَّ
الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindunganMu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan di kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

رَبَّنَا لَا تُنْعِنْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.